

# Pelantikan Tsu Koon akhiri spekulasi KM Pulau Pinang

UM - 5 DEC 1999

kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri di Langkawi, 2 Disember lalu.

"Tetapi saya telah dinasihatkan bersabar (membuat pengumuman) sehari dua dulu berikutan perkembangan sekarang ini," katanya.

Mengenai sama ada pelantikannya itu nanti akan mendapat tentangan daripada MCA, Dr. Koh berkata perkara itu tidak timbul kerana pelantikan dibuat oleh Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN.

"Seharusnya semua parti komponen dalam BN menghormati keputusan itu atas semangat setiakawan yang diamal oleh parti," katanya.

Sebagai contoh, katanya dalam pilihan raya umum 1990, Gerakan hanya memperoleh tujuh kerusi negeri dan UMNO 12 kerusi tetapi atas semangat setiakawan BN, jawatan Ketua Menteri ditawarkan kepada Gerakan.

Beliau berkata, kedudukan Gerakan sebagai peneraju pemerintahan BN di Pulau Pinang tidak terjejas dengan tindakan kedua-dua wakil rakyatnya itu.

Pada 1990, jelas beliau, parti tersebut diberi kepercayaan menerajui kerajaan negeri walaupun Ketua Menteri masa itu, Chong Eu telah tewas kepada Lim Kit Siang dan Gerakan hanya mendapat tujuh kerusi pada pilihan raya.

"Inilah perkongsian kuasa seperti yang sering diperkatakan oleh Perdana menteri.

"Dalam tempoh sedekad ini

juga kita telah membangunkan negeri dengan membawa masuk banyak pelaburan," tambah beliau.

Kata Dr. Koh, majlis mengangkat sumpah itu nanti akan hanya melibatkan beliau seorang sahaja manakala anggota Exco kerajaan negeri yang lain akan mengangkat sumpah sehari dua kemudian.

Bagaimanapun ketika ditanya pemberita mengenai kemungkinan berlaku rombakan besar kepada barisan Exconya, beliau enggan mengulas lanjut kerana ia akan diputuskan kemudian.

"Saya berharap, mintalah bersabar dulu kita selesaikan dulu komposisi Exco kemudiannya," jelasnya.

Menurut Dr. Koh, beliau akan meneruskan usaha bersama rakyat membangunkan lagi negeri itu dan berharap mereka sentiasa bersatu padu menyokong kerajaan.

Berhubung dengan dakwaan Chien Aun dan Boo Chang bahawa kepimpinannya gagal membangunkan Pulau Pinang, katanya, rekod antara 1992-97 menunjukkan negeri itu mencatat pertumbuhan lebih 10 peratus.

Malah, ujarnya, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mengiktiraf negeri itu sebagai bandar yang paling cepat membangun di rantau Asia Tenggara.

"Saya sedia menerima kritikan yang membina kerana sebagai manusia biasa saya tidak sempurna dan tentu ada kelemahan di mana-mana."

Bagaimanapun, rakyat di Pulau Pinang sendiri dapat melihat pembangunan yang dicapai di bawah kerajaan negeri yang dipimpin oleh BN dan sebab itulah rakyat sekali lagi memilih BN di 30 daripada 33 kerusi negeri pilihan raya umum baru-baru ini, kata Dr. Koh.

Dengan tindakan dua anggota Gerakan itu keluar daripada parti itu, ia kini mempunyai lapan anggota Dewan, UMNO 10, MCA semhulan dan MIC seorang.

Baki tiga lagi kerusi diwakili masing-masing oleh DAP, Keadilan dan Pas.

Turut hadir pada sidang berita itu ialah Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik serta tujuh lagi anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari Gerakan dan dua Anggota Parlimen Pulau Pinang dari parti itu sebagai tanda sokongan terhadap kepimpinan Dr. Koh.

Mereka ialah Dr. Teng Hock Nan (Kebun Bunga), Datuk Kee Phaik Cheen (Batu Uban), Teng Chang Yeow (Padang Kota), Datuk Dr. Toh Kin Woon (Machang Bubuk), Ng Siew Lai (Bukit Tengah), Lai Chew Hock (Sungai Bakap) dan Looi Swee Cheang (Sungai Pinang).

Dua Anggota Parlimen yang hadir ialah Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) dan Lee Kah Choon (Jelutong).

Sementara itu di **Langkawi**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah menyerahkan surat pelantikan Dr. Koh bagi membo-

lehkan Gerakan terus mengetuai kerajaan BN di negeri itu.

"Saya telahpun menyerahkan surat kepadanya, tetapi beliau masih belum menyerahkan kepada Yang Dipertua Negeri," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan Pulau Pinang akan terus diketuai oleh Gerakan walaupun berlaku sedikit pergolakan dalam parti itu baru-baru ini.

"Apa yang saya tahu, saya tidak menarik balik surat itu," katanya pada sidang akhbar di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di situ hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN enggan mengulas mengenai tindakan kedua-dua Ahli Dewan Undangan Negeri tersebut. Katanya: "Itu bukan urusan saya."

Ditanya sama ada Chien Aun dan Boo Chang boleh menyertai MCA, beliau berkata, perkara itu perlu dikaji terlebih dahulu.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, dasar BN tidak menggalakkan sesuatu tindakan yang boleh merugikan dan melemahkan parti.

Mengenai peletakan jawatan Lim Kit Siang sebagai Setiausaha Agung DAP dan dilantik semula sebagai Pengerusi parti pembangkang itu Dr. Mahathir berkata: "Seperti biasa, itu hanya lakonan."